

SUMBANGSARAN MAJLIS DEKAN 2021: Mencorak Strategi Baharu Seiring Situasi Semasa

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

PENGARAH :
PROF DR TARMUJI MASRON

TIMBALAN PENGARAH :
PROF MADYA DR LEE NUNG KION
DR SHARIZAL HASHIM

PENOLONG PENDAFTAR KANAN :
DAYANG MAZINA AWANG BATU
DAYANG ZULIANA ABG ABD RAHMAN

PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN :
GUSTINATA BASUAN
ADELINE ANN LUBI

PEN PEG TEK MAKLUMAT KANAN :
MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI

SETIAUSAHA PEJABAT :
NUR AISHAH JORI

PEMBANTU TADBIR KANAN :
NORISA MOHAMAD SAHARI

PEMBANTU TADBIR :
SITI AFIZAH JAMIL
MOHD HAFIZUDDIN SULAIMAN

PEMBANTU OPERASI :
ROZAIMI ANIS



YBhg Naib Canselor menyampaikan Amanat di Sumbangsaran Majlis Dekan 2021

Kota Samarahan : Acara tahunan Sumbangsaran Majlis Dekan 2021 telah berlangsung pada 18-21 Januari 2022 bertempat di sebuah hotel terkemuka di Bandar Bintulu setelah tertangguh kira-kira sebulan. Seramai 85 orang Pegawai Pengurusan Tertinggi Universiti, Dekan, Pengarah, Presiden Peratuan dan Kesatuan serta wakil Majlis Perwakilan Pelajar turut serta.

Objektif dan tumpuan utama sumbangsaran pada kali ini ialah untuk membuat semakan dan mengukur pencapaian Pelan Strategik 2021-2025 serta mencadangkan penambahbaikan, penjajaran semula serta menentukan inisiatif baharu berkait situasi semasa.

Aturcara sumbangsaran diisi dengan pembentangan *Strategic Focus (SF)* 1-5 pada hari pertama manakala pembentangan *Strategic Initiative (SI)* pada hari kedua. Hari ketiga sumbangsaran diisi dengan forum oleh kumpulan pakar (expert panel) yang telah dilantik antaranya Prof Dr David Parera, Prof Dr Chen Chwen Jen dan Prof Dr Jane Labadin.

Turut bersama dalam sumbangsaran ini ialah kumpulan para *rapporteur* yang telah dilantik bagi menyediakan pelaporan setiap slot. Pelaporan dibuat menerusi *google form* yang disediakan oleh pihak SQRC. Laporan perkembangan ini akan dibawa dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Strategi dan Kualiti UNIMAS (JSKU) sebagai agenda tetap dalam mesyuarat tersebut.

Dengan kesempatan berada di Bandar Bintulu pada kali ini, kesemua peserta sumbangsaran turut menyertai program UNIMAS *Corporate Social Responsibility (CSR)*. Sesi penyampaian sumbangan kepada murid-murid SK Sungai Tisang Bintulu telah diadakan dan diketuai YBhg Tan Sri Datuk Seri Panglima Sulong Matjeraie, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti.

Turut diserahkan pada majlis tersebut ialah set perkakasan STEM bagi memupuk minat para pelajar seawal mungkin dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik. Terima kasih kepada warga SK Sungai Tisang Bintulu yang telah menerima kunjungan UNIMAS.

Selamat Maju Jaya Dr Sharizal Hashim

Kota Samarahan : Dr Sharizal Hashim akan mengucapkan selamat tinggal kepada Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko (SQRC) khususnya serta UNIMAS amnya berkuatkuasa 21 Februari 2022. Beliau akan berpindah ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).



Dr Sharizal Hashim merupakan Timbalan Pengarah (Pengurusan Risiko) di SQRC selain Pensyarah Kanan di Fakulti Ekonomi dan Perniagaan (FEP).

Beliau mula dilantik sebagai Timbalan Pengarah (Pengurusan Risiko) pada 1 September 2018. Dr Sharizal Hashim merupakan *Certified Risk Specialist* dari *International Academy of Business and Financial Management*.

Selaku Timbalan Pengarah (Pengurusan Risiko), Dr Sharizal Hashim telah banyak menyumbang dan membantu Universiti dalam pelaksanaan pengurusan risiko.

Beliau turut terlibat dalam pembangunan dan pelaksanaan Dasar dan Tatacara Pengurusan Risiko UNIMAS. Selain itu, beliau turut memberi khidmat nasihat dan latihan kepada pihak PTj.

Selamat Maju Jaya Dr Shah.!

Tahniah atas pelantikan sebagai Ketua Strategi Fakulti

Kota Samarahan : UNIMAS telah mengumumkan beberapa pelantikan baharu dan pelantikan semula Ketua Strategi (KS) Fakulti seperti berikut:

Dr Farah binti Zaini (FSSK)	1/2/22-31/1/24
PM Dr Sze San Nah	1/2/22-31/1/24
Dr Khatijah binti Yaman	3/2/22-31/1/24

Ketua Strategi Fakulti akan menyelaras pelaksanaan dan pemantauan perancangan strategik di peringkat fakulti.

Selain itu, mereka juga akan membantu Dekan Fakulti dalam memastikan perihal berkaitan strategi, kualiti, *ranking* dan *rating* Universiti dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Tahniah di atas pelantikan.!



Dr Farah binti Zaini
Ketua Strategi FSSK



Prof Madya Dr Sze San Nah
Ketua Strategi FSKTM



Dr Khatijah binti Yaman
Ketua Strategi FPSK

Lawatan Pemantauan Pengurusan Risiko


Kota Samarahan : Pihak SQRC melalui Unit Pengurusan Risiko telah menjalankan lawatan pemantauan pengurusan risiko ke beberapa buah Pusat Tanggungjawab (PTj) yang telah dikenalpasti.

Lawatan pemantauan ini dijalankan oleh Timbalan Pengarah (Pengurusan Risiko), Dr Sharizal Hashim, Penolong Pendaftar Kanan, Pn Dayang Zuliana Abang Abdul Rahman dan Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Pn Adeline Ann Lubi.



Antara PTj yang dilawat sepanjang dua hari iaitu pada 24 dan 25 Januari 2022 ialah Hospital Pengajar dan Pusat Perubatan UNIMAS (HPPU), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dan Pusat Islam Tun Abang Salahuddin (PITAS).

Lawatan rutin ini adalah untuk memantau pelaksanaan pengurusan risiko dan perkembangan yang dilaksanakan di peringkat PTj. Selain itu, PTj juga berpeluang berkongsi permasalahan dan mendapatkan khidmat nasihat terutamanya dalam menyediakan laporan pengurusan risiko pada setiap suku tahun.



SQRC turut mengambil kesempatan untuk menghebahkan pembudayaan penggunaan Borang Saringan Awal bagi projek dan program yang bakal dijalankan di PTj selain turut digunakan dalam proses permohonan jalinan MoU dan MoA di Universiti.

SQRC Online tercalon Projek Inovasi ICT Pengurusan 2022

Kota Samarahan : Sistem SQRC Online telah tercalon dalam kategori Projek Inovasi ICT Pengurusan 2022 Majlis Anugerah Gemilang UNIMAS 2022.

Mulai Januari 2021, SQRC Online telah membantu urusan pengurusan risiko dan pengurusan kualiti di semua PTj seluruh UNIMAS lebih mudah, cepat, efisien dan lebih produktif.



Sistem yang dibangunkan oleh pihak CITDS ini menggunakan aplikasi REKA dan boleh diakses dengan mudah melalui pelbagai peranti dengan caipain melalui pelayar web.

Staf SQRC Ikuti ANC 2022 secara hibrid

Kota Samarahan : Amanat Naib Canselor 2022 telah diadakan pada 10 Februari 2022 bertempat di Arena Gemilang, DeTAR PUTRA. Ia dijalankan secara hibrid

Antara objektif sistem SQRC Online ini ialah meningkatkan kompians dan pematuhan terhadap Dasar dan Tatacara Pengurusan Risiko UNIMAS, memudahcara proses pelaporan pengurusan risiko UNIMAS dan memudahkan pelaporan pengurusan kualiti UNIMAS.

Penggunaan sistem ini telah terbukti berkesan apabila ia meningkatkan pelaksanaan saringan awal risiko program/projek sebanyak 577.78% dan turut meningkatkan pelaporan pengurusan risiko PTj sebanyak 91.3% pada tahun pertama pelaksanaan inovasi.

Sistem ini juga telah memudahkan proses penghantaran Laporan Kajian Semula Pengurusan ISO 9001:2015 dan turut memudahkan proses penghantaran Laporan Audit Dalam ISO 9001:2015.

Selamat Maju Jaya SQRC Online..!

dengan sebahagian besar staf mengikuti majlis tersebut secara atas talian di pejabat masing-masing. Staf SQRC juga turut serta bersama-sama.



Kalendar Aktiviti



Januari 2022

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	KPI SP UNIMAS 2021-2025	Laporan Pencapaian 31.12.21	10/01/2022
2	Laporan Kajian Semula Pengurusan Sistem Pengurusan Kualiti	Laporan sehingga 31.12.21	14/01/2022
3	Re-Assessment SAMM	Makmal Fakulti Kejuruteraan	17/01/2022
4	Sumbangsan MDekan	Sekretariat bersama Pejabat NC	17-21/01/2022
5	Outcome Based Budgeting (OBB)	Laporan Suku Keempat 2021	21/01/2022
6	Pengesahan dan Penghantaran Data MyMoheS	Modul Staf, RDC, Institusi cod 31.12.21	24/01/2022
7	Lawatan Pemantauan Pengurusan Risiko	HPPU & FPSK	24/01/2022
8	Lawatan Pemantauan Pengurusan Risiko	PITAS	25/01/2022
9	THE Awards Asia 2022	Closing date for nomination	31/01/2022

Februari 2022

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	QS WUR	Data Submission to QS Hub	4/02/2022
2	QS AUR	Data Submission to QS Hub	4/02/2022
3	Mesyuarat JK Pengurusan Prestasi Program (PPMC) KPT	OBB Tahun 2023	17/02/2022
4	Bengkel Pengurusan Risiko Siri 1	Risk Management	18/02/2022
5	Sumbangsan SQRC 2022	SQRC & Ketua Strategi	21-22/02/2022